

**TAHAP PERANAN GURU PENOLONG KANAN KOKURIKULUM
DALAM PENGURUSAN KOKURIKULUM SEKOLAH
DI PULAU PINANG**

MOHD HAFIFE BIN ABDUL HALIM

**OPEN UNIVERSITY MALAYSIA
2020**

**TAHAP PERANAN GURU PENOLONG KANAN KOKURIKULUM
DALAM PENGURUSAN KOKURIKULUM SEKOLAH
DI PULAU PINANG**

MOHD HAFIFE BIN ABDUL HALIM

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan**

Open University Malaysia

2020

DEKLARASI

Nama: MOHD HAFIFE BIN ABDUL HALIM

No. Matrik: CGS 01542906

Dengan ini saya menyatakan bahawa Projek Sarjana Pendidikan ini adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali petikan dan ringkasan yang telah diakui dengan sewajarnya.

Tandatangan:



Tarikh: 11 Ogos 2020

TAHAP PERANAN GURU PENOLONG KANAN KOKURIKULUM DALAM PENGURUSAN KOKURIKULUM SEKOLAH DI PULAU PINANG

MOHD HAFIFE BIN ABDUL HALIM

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk bagi mengkaji tahap peranan Guru Penolong Kanan (GPK) Kokurikulum dalam pengurusan kokurikulum di sekolah rendah dan sekolah menengah dalam negeri Pulau Pinang. Kajian ini menggunakan Model Proses Pengurusan Stoner, Freeman dan Gilbert (1995) yang mengandungi empat proses yang saling berkaitan iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal untuk melihat pengurusan kokurikulum secara keseluruhan. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti tahap peranan GPK Kokurikulum dalam keempat-empat proses ini serta mengenalpasti adakah terdapat perbezaan antara tahap peranan pengurusan kokurikulum mengikut jantina, kategori sekolah, lokasi sekolah, daerah bertugas, umur serta pengalaman berkhidmat. Responden kajian ini terdiri daripada 304 orang GPK Kokurikulum yang berkhidmat di sekolah-sekolah dalam Pulau Pinang. Kajian ini bersifat deskriptif dan menggunakan soal selidik yang dibina berpandukan Buku Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Menengah, KPM. Soal selidik telah disemak dan diuji bagi memastikan kebolehpercayaan dan kesahan melalui satu kajian rintis yang telah dijalankan terhadap 52 orang GPK Kokurikulum dalam daerah Barat Daya. Hasil analisis *Cronbach* alfa mendapati nilai alfa adalah 0.96 bagi 36 item dalam soal selidik tersebut. Dapatan kajian dianalisis menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) v22 bagi mendapatkan skor min. Ujian T dan ANOVA digunakan bagi mengenalpasti adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara min bagi dimensi yang dikaji. Dapatan menunjukkan tahap peranan GPK Kokurikulum dalam keempat-empat proses dan secara keseluruhan adalah berada pada tahap sederhana. Kesimpulannya, dapatan ini telah menyelesaikan permasalahan kajian iaitu tahap peranan GPK Kokurikulum di Pulau Pinang dalam pengurusan kokurikulum sekolah yang sederhana berkemungkinan menjadi penyumbang kepada permasalahan yang dikemukakan dalam kajian ini.

Katakunci: *pengurusan kokurikulum, pengurusan pendidikan, model proses pengurusan*

**LEVEL OF ROLE OF SENIOR ASSISTANT TEACHER CO-CURRICULUM IN
SCHOOL CO-CURRICULUR MANAGEMENT IN PENANG**

MOHD HAFIFE BIN ABDUL HALIM

ABSTRACT

This study was conducted to study the level of the role of Senior Assistant Teacher (GPK) Co-curriculum in co-curricular management in primary and secondary schools in the state of Penang. This study uses the Stoner, Freeman and Gilbert (1995) Management Process Model which contains four interrelated processes namely planning, managing, leading and controlling to see the overall level of co-curricular management. The objective of this study is to identify the level of role of GPK Co-curriculum in these four processes and to identify whether there are differences between the level of co-curriculum management role according to gender, school category, school location, district of duty, age and service experience. The respondents of this study consisted of 304 GPK Co-curriculum people who served in schools in Penang. This study is descriptive and uses a questionnaire based on the Secondary School Professional Management Handbook, KPM. The questionnaire was reviewed and tested to ensure reliability and validity through a pilot study that was conducted on 52 GPK Co-curriculum in the Barat Daya district. The results of Cronbach's alpha analysis found that the alpha value was 0.96 for the 36 items in the questionnaire. The findings of the study were analyzed using Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) v22 to obtain a mean score. T and ANOVA tests were used to identify whether there was a significant difference between the mean for the dimensions studied. Findings show the level of role of GPK Co-curriculum in all four processes and overall is at a moderate level. In conclusion, these findings have solved the problem of the study that is the moderate level of the role of GPK Co-curriculum in Penang in the management of school co-curriculum is likely to be a contributor to the problems presented in this study.

Keywords: *co-curricular management, educational management, management process model*

PENGHARGAAN

Pertama sekali, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah dan perkenanNya dapat disiapkan kajian ini dengan kemudahan dan rahmat kesihatan dariNya.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Hashimah binti Mohd Yunus yang selalu membantu setiap kali saya menghadapi masalah atau mempunyai pertanyaan mengenai penyelidikan atau penulisan saya.

Akhirnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang sangat mendalam kepada ibu bapa saya dan kepada suri hati saya, Nor Izzati binti Salim yang banyak memberikan dorongan dan kata-kata semangat sepanjang pengajian ini serta tidak lupa juga kepada kedua-dua puteri saya iaitu Auni Humaira dan Awji Imani, semoga ianya menjadi dorongan untuk kalian berjaya pada masa hadapan. Semoga ilmu ini dapat dimanfaatkan dalam pembangunan dunia pendidikan di Malaysia. Sekian, terima kasih.

JADUAL KANDUNGAN

DEKLARASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Soalan Kajian	5
1.5 Hipotesis Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Batasan Kajian	10
1.8 Definisi Operasi	10
1.9 Rumusan	13
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan Kepada Pengurusan Organisasi	14
2.2 Teori Pengurusan Saintifik	16
2.3 Model Proses Pengurusan	18
2.4 Pengurusan Kokurikulum di Sekolah	19
2.5 Tahap-tahap Pengurusan Dalam Organisasi	21
2.5.1 Pengurusan Tertinggi (<i>Top Level Management</i>)	22
2.5.2 Pengurusan Pertengahan (<i>Middle Level Management</i>)	22
2.5.3 Pengurusan Bawahan (<i>Low Level Management</i>)	23
2.6 Kajian-kajian Terdahulu dalam Bidang Pengurusan Kokurikulum	23
2.7 Kajian-kajian Terdahulu dalam Bidang Kokurikulum	27
2.8 Rumusan	29

BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Reka Bentuk Kajian	30
3.2	Populasi dan Sampel Kajian	32
3.3	Instrumen Kajian	34
3.4	Kajian Rintis	35
3.5	Prosedur Kajian	37
3.6	Kerangka Kajian	38
3.7	Analisis Data	39
3.8	Rumusan	48
BAB 4	ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1	Analisis Demografik Responden	49
4.1.1	Analisis Jantina Responden	50
4.1.2	Analisis Kategori Sekolah Responden	51
4.1.3	Analisis Lokasi Sekolah Responden	52
4.1.4	Analisis Sekolah Terlibat Mengikut Daerah	53
4.1.5	Analisis Umur Responden	53
4.1.6	Analisis Pengalaman Sebagai GPK Kokurikulum	55
4.2	Tahap Peranan GPK Kokurikulum sebagai perancang dalam pengurusan kokurikulum	55
4.2.1	Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Jantina	56
4.2.2	Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Kategori Sekolah	57
4.2.3	Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Lokasi Sekolah	59
4.2.4	Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Daerah	61
4.2.5	Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Umur	64
4.2.6	Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Pengalaman Berkhidmat	65
4.3	Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Dalam	67

Pengurusan Kokurikulum	
4.3.1 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Jantina	68
4.3.2 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Kategori Sekolah	69
4.3.3 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Lokasi Sekolah	71
4.3.4 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Daerah	73
4.3.5 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Umur	76
4.3.6 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Pengalaman Berkhidmat	78
4.4 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Dalam Pengurusan Kokurikulum	80
4.4.1 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Jantina	80
4.4.2 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Kategori Sekolah	82
4.4.3 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Lokasi Sekolah	83
4.4.4 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Daerah	85
4.4.5 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Umur	88
4.4.6 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Pengalaman Berkhidmat	90
4.5 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengawal Dalam Pengurusan Kokurikulum	92
4.5.1 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengawal Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Jantina	92
4.5.2 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengawal Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Kategori Sekolah	94

4.5.3 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengawal Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Lokasi Sekolah	95
4.5.4 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengawal Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Daerah	97
4.5.5 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengawal Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Umur	98
4.5.6 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengawal Dalam Pengurusan Kokurikulum Berdasarkan Pengalaman Berkhidmat	101
4.6 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Secara Keseluruhan	102
4.6.1 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Secara Keseluruhan Mengikut Jantina	103
4.6.2 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Secara Keseluruhan Berdasarkan Kategori Sekolah	105
4.6.3 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Secara Keseluruhan Berdasarkan Lokasi Sekolah	106
4.6.4 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Secara Keseluruhan Berdasarkan Daerah	108
4.6.5 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Secara Keseluruhan Berdasarkan Umur	110
4.6.6 Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Secara Keseluruhan Berdasarkan Pengalaman Berkhidmat	113
4.7 Rumusan Dapatan Data	114
4.8 Rumusan	120

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Kesimpulan Daripada Dapatan Kajian Utama	121
5.1.1 Perancangan Kokurikulum Sekolah	121
5.1.2 Pengelolaan Kokurikulum Sekolah	124
5.1.3 Kepimpinan Kokurikulum Sekolah	128

5.1.4 Pengawasan Kokurikulum Sekolah	131
5.2 Hubungan Model Pengurusan dan Dapatan Kajian	133
5.3 Implikasi Kajian	134
5.4 Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan	135
Kesimpulan	136
RUJUKAN	137
LAMPIRAN A	141
LAMPIRAN B	145

SENARAI JADUAL

Jadual 1	Bilangan Sekolah Mengikut Daerah
Jadual 2	Pembahagian Item Mengikut Empat Konstruk Utama Kajian
Jadual 3	Skala Likert empat mata
Jadual 4	Bilangan Sekolah Terlibat Dalam Kajian Rintis
Jadual 5	Bilangan Sekolah Yang Terlibat Dalam Menentukan Nilai Alfa Cronbach
Jadual 6	Nilai Alfa Cronbach Yang Diperoleh Bagi Keseluruhan 36 Item Dalam Soal Selidik
Jadual 7	Nilai Alfa Cronbach Dan Kebolehpercayaan
Jadual 8	Jadual Objektif Kajian Dan Statistik Yang Digunakan
Jadual 9	Jadual Hipotesis Null dan Analisis Statistik
Jadual 10	Interprestasi Skor Min
Jadual 11	Analisis Deskriptif Keseluruhan Item
Jadual 12	Jantina Responden
Jadual 13	Kategori Sekolah
Jadual 14	Peratus Sekolah Terlibat
Jadual 15	Lokasi Sekolah Responden
Jadual 16	Perbandingan Lokasi Sekolah dan Kategori Sekolah
Jadual 17	Bilangan Sekolah Terlibat Mengikut Daerah
Jadual 18	Umur Responden
Jadual 19	Kategori Sekolah dan Umur Responden
Jadual 20	Pengalaman Sebagai Guru Penolong Kanan Kokurikulum
Jadual 21	Statistik Tahap Peranan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Sebagai Perancang Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah
Jadual 22	Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Mengikut Jantina
Jadual 23	Ujian T Sampel Bebas Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Dengan Jantina
Jadual 24	Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Mengikut Kategori Sekolah
Jadual 25	Ujian T Sampel Bebas Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Dengan Kategori Sekolah
Jadual 26	Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Mengikut Lokasi Sekolah
Jadual 27	Ujian T Sampel Bebas Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Mengikut Lokasi Sekolah
Jadual 28	Analisis Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Mengikut Daerah
Jadual 29	Analisis Varians Satu Hala Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Mengikut Daerah
Jadual 30	Ujian Post-hoc Tukey Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Mengikut Daerah
Jadual 31	Analisis Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Mengikut Umur

Jadual 32	Analisis Varians Satu Hala Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Mengikut Umur
Jadual 33	Analisis Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Mengikut Pengalaman Berkhidmat
Jadual 34	Analisis Varians Satu Hala Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Perancang Mengikut Pengalaman Bertugas
Jadual 35	Statistik Tahap Peranan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Sebagai Pengelola Dalam Pengurusan Kokurikulum di Sekolah
Jadual 36	Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Mengikut Jantina
Jadual 37	Ujian T Sampel Bebas Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Mengikut Jantina
Jadual 38	Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Mengikut Kategori Sekolah
Jadual 39	Ujian T Sampel Bebas Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Mengikut Kategori Sekolah
Jadual 40	Min Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Mengikut Lokasi Sekolah
Jadual 41	Ujian T Sampel Bebas Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Mengikut Lokasi Sekolah
Jadual 42	Analisis Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Mengikut Daerah
Jadual 43	Analisis Varians Satu Hala Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Mengikut Daerah
Jadual 44	Ujian Post-hoc Tukey Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Mengikut Daerah
Jadual 45	Analisis Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Mengikut Umur
Jadual 46	Analisis Varians Satu Hala Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Mengikut Umur
Jadual 47	Ujian Post-hoc Tukey Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Mengikut Umur
Jadual 48	Analisis Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Mengikut Pengalaman Berkhidmat
Jadual 49	Analisis Varians Satu Hala Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Mengikut Pengalaman Berkhidmat
Jadual 50	Statistik Tahap Peranan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Sebagai Pemimpin Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah
Jadual 51	Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Mengikut Jantina
Jadual 52	Min Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Mengikut Jantina
Jadual 53	Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Mengikut Kategori Sekolah
Jadual 54	Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Mengikut Kategori Sekolah
Jadual 55	Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Mengikut Lokasi Sekolah

Jadual 56	Min Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Mengikut Lokasi Sekolah
Jadual 57	Analisis Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Mengikut Daerah
Jadual 58	Analisis Varians Satu Hala Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Mengikut Daerah
Jadual 59	Ujian Post-hoc Tukey Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Mengikut Daerah
Jadual 60	Analisis Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Mengikut Umur
Jadual 61	Analisis Varians Satu Hala Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Mengikut Umur
Jadual 62	Ujian Post-hoc Tukey Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Mengikut Umur
Jadual 63	Analisis Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Mengikut Pengalaman Berkhidmat
Jadual 64	Analisis Varians Satu Hala Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pemimpin Mengikut Pengalaman Berkhidmat
Jadual 65	Statistik Tahap Peranan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Sebagai Pengawal Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah
Jadual 66	Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengawal Mengikut Jantina
Jadual 67	Ujian T Sampel Bebas Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengawal Mengikut Jantina
Jadual 68	Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengawal Mengikut Kategori Sekolah
Jadual 69	Ujian T Sampel Bebas Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengawal Mengikut Kategori Sekolah
Jadual 70	Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pegawal Mengikut Lokasi Sekolah
Jadual 71	Ujian T Sampel Bebas Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengawal Mengikut Lokasi Sekolah
Jadual 72	Analisis Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengawal Mengikut Daerah
Jadual 73	Analisis Varians Satu Hala Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengelola Mengikut Daerah
Jadual 74	Analisis Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengawal Mengikut Umur
Jadual 75	Analisis Varians Satu Hala Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengawal Mengikut Umur
Jadual 76	Ujian Post-hoc Tukey Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengawal Mengikut Umur
Jadual 77	Analisis Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengawal Mengikut Pengalaman Berkhidmat
Jadual 78	Analisis Varians Satu Hala Tahap Peranan GPK Kokurikulum Sebagai Pengawal Mengikut Pengalaman Bertugas

Jadual 79	Statistik Keseluruhan Item Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah
Jadual 80	Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Mengikut Jantina
Jadual 81	Ujian T Sampel Bebas Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Secara Keseluruhan Mengikut Jantina
Jadual 82	Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Secara Keseluruhan Mengikut Kategori Sekolah
Jadual 83	Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Secara Keseluruhan Mengikut Kategori Sekolah
Jadual 84	Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Secara Keseluruhan Mengikut Lokasi Sekolah
Jadual 85	Ujian T Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Secara Keseluruhan Mengikut Lokasi Sekolah
Jadual 86	Analisis Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Mengikut Daerah
Jadual 87	Analisis Varians Satu Hala Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Secara Keseluruhan Mengikut Daerah
Jadual 88	Ujian Post-hoc Tukey Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Mengikut Daerah
Jadual 89	Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Secara Keseluruhan Mengikut Umur
Jadual 90	Analisis Varians Satu Hala Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Secara Keseluruhan Mengikut Umur
Jadual 91	Ujian Post-hoc Tukey Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Secara Keseluruhan Mengikut Umur
Jadual 92	Analisis Min Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Secara Keseluruhan Mengikut Pengalaman
Jadual 93	Analisis Varians Satu Hala Tahap Peranan GPK Kokurikulum Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah Mengikut Pengalaman
Jadual 94	Rumusan Interpretasi Skor Min Tahap Peranan
Jadual 95	Rumusan Pengujian Hipotesis

SENARAI RAJAH

- Rajah 1 Model Proses Pengurusan Stoner, Freeman dan Gilbert (1995)
- Rajah 2 Tiga Tahap Pengurusan
- Rajah 3 Adaptasi Tiga Tahap Pengurusan Dalam Pengurusan Kokurikulum Sekolah
- Rajah 4 Proses Pengurusan Kokurikulum di Sebuah Sekolah Menengah Harian oleh Noor Azzam (2016)
- Rajah 5 Jadual Penentuan Saiz Sampel oleh Krejcie & Morgan (1970)
- Rajah 6 Kerangka Kajian
- Rajah 7 Jawatankuasa Pengurusan Kokurikulum Sekolah
- Rajah 8 Contoh Senarai Tugas Guru Pemimpin/Penasihat Persatuan

SENARAI SINGKATAN

GPK	Guru Penolong Kanan
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
NPQEL	<i>National Professional Qualification for Educational Leaders</i>
PKBM	Pasukan Kadet Bersatu Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah

BAB 1

PENGENALAN

Bab ini menerangkan secara keseluruhan tentang kajian yang ingin dilaksanakan dan menghuraikan beberapa subtopik iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, soalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kokurikulum merupakan satu cabang dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan penglibatan pelajar dengan bimbingan guru dalam aktiviti di luar kelas. Kegiatan kokurikulum merupakan siri pengajaran di luar bilik darjah sama ada secara formal atau tidak formal, yang mempunyai perancangan terperinci sepertimana juga pengajaran kurikulum dalam bilik darjah. Kokurikulum juga lanjutan daripada proses pengajaran serta pembelajaran murid dalam bilik darjah, diterjemahkan kepada kegiatan secara fizikal dan praktikal dalam memberi ruang dan peluang kepada murid untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan semua pengetahuan, kemahiran dan nilai yang telah dipelajari dalam bilik darjah. (Warta Kerajaan Jilid 42 No. 11, 1998 dan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, 1979).

Gerak kerja kokurikulum dianggap sebagai salah satu komponen yang penting dalam proses pembentukan pelajar sama ada di peringkat rendah ataupun di tahap yang lebih tinggi berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Abdullah Sani, 2004). Penyertaan dalam kegiatan ini merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah seperti yang termaktub dalam Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997, berkuatkuasa 1 Januari 1998 (Akta Pendidikan 1996 – Seksyen 18 dan 130). Kokurikulum adalah pelengkap kepada proses pengajaran dan pembelajaran dan ianya merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor dalam membentuk modal insan pelajar secara holistik (Buku Rekod Penilaian Kokurikulum Sekolah Menengah, Kementerian Pelajaran Malaysia).

Antara tujuan aktiviti kokurikulum ialah untuk memberikan pengalaman yang berguna kepada para pelajar di mana ianya akan membantu memupuk keperibadian dalam mencapai kehidupan yang sempurna (Mohd Jaflus, 2008). Menurut Mohamad Najib & Jamaliah (2011), kegiatan kokurikulum di sekolah merupakan aktiviti yang bertujuan untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan atau semangat kekitaan dalam kalangan pelajar-pelajar yang berbilang kaum selain dapat melatih mereka untuk bersikap bertanggungjawab, berdisiplin, berdikari serta berkemahiran dalam sesuatu bidang yang disertai oleh mereka.

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 juga telah memperakukan latihan ketenteraan yang diterapkan dalam latihan Pasukan Kadet Tentera (sekarang dikenali sebagai Pasukan Kadet Bersatu Malaysia, PKBM) dan Pasukan Kadet Polis adalah sangat berfaedah untuk menyemai semangat disiplin dan berdikari dalam kalangan pelajar di sekolah. Hal ini dilihat pengkaji sebagai satu aktiviti yang mampu membentuk sahsiah dan menanamkan semangat patriotik dalam kalangan pelajar sekarang.

Konsep kegiatan kokurikulum adalah secara praktikal atau *hands-on* dalam menyampaikan pengajaran yang tidak dapat disampaikan dalam kelas. Gerak kerja kokurikulum adalah gerak kerja bercorak pendidikan yang dilaksanakan secara terancang dan bermatlamat. Dalam pengurusan kokurikulum di sekolah, Pengetua (sekolah menengah) atau Guru Besar (sekolah rendah) merupakan teraju utama bukan sahaja dalam kokurikulum, malah merangkumi semua aspek sekolah tersebut dari akademik sehingga kepada pengurusan staf sokongan.

Tugas mengurus sekolah termasuk pengurusan kokurikulum terletak pada bahu pengetua dan guru besar. Pada masa sekarang, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mewajibkan setiap guru yang akan dilantik ke jawatan pengetua dan guru besar menjalani Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) bagi memastikan pengetua dan guru besar yang dilantik mentadbir sekolah mempunyai kepakaran dan ilmu yang mencukupi sebagai seorang pentadbir.

Di sekolah, kejayaan pelaksanaan kegiatan kokurikulum memerlukan penglibatan Pengetua atau Guru Besar selaku teraju utama kepimpinan sekolah. Dalam

melaksanakan perkara ini, Pengetua dan Guru Besar dibantu oleh Guru Penolong Kanan Kokurikulum (GPK Kokurikulum) bagi melicinkan pengurusan kokurikulum di sekolah. GPK Kokurikulum ini pula perlu mempunyai kesefahaman dengan Pengetua atau Guru Besar bagi memastikan visi dan misi pengurusan sekolah dapat dihayati dan dilaksanakan tanpa adanya konflik pengurusan antara mereka.

Definisi pengurusan oleh Drucker (1972) menyatakan bahawa pengurusan adalah satu proses sosial yang dibentuk bagi mendapatkan kerjasama, penyertaan dan penglibatan ahli-ahli dalam sesebuah organisasi untuk sama-sama mencapai satu matlamat atau objektif yang ditetapkan melalui kaedah yang paling berkesan. Buku Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Menengah (1993) telah menggariskan empat proses utama yang perlu dikuasai oleh seseorang pengurus sekolah iaitu kemahiran merancang (*planning*), mengelola (*organizing*), memimpin (*leading*) dan mengawal (*controlling*). Tambah Olum (2004), pengurusan adalah satu proses merangka dan mengawal sesuatu persekitaran yang mendorong individu-individu di bawah pengurusan tersebut bekerjasama ke arah mencapai satu matlamat yang ditetapkan. Pernyataan ini sangat sesuai digunakan dalam pengurusan kokurikulum di sekolah di mana individu-individu (guru) perlu bekerjasama dalam menjadikan kokurikulum di sekolah lebih cemerlang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan, GPK Kokurikulum merupakan barisan pengurusan pertengahan (*middle management*) yang membantu Pengetua dan Guru Besar dalam pengurusan kokurikulum di sekolah. Menurut Dance (2011), proses *middle managers* dalam bidang pengurusan adalah melaksanakan strategi yang telah ditetapkan oleh pengurusan tertinggi (*top managers*). Perkara ini dilakukan oleh GPK Kokurikulum (*middle manager*) dalam menerima arahan serta mengimplementasikan visi dan misi kokurikulum sekolah daripada Pengetua dan Guru Besar. GPK Kokurikulum juga bertindak sebagai pemudahcara dan tempat rujukan para guru berkaitan pengurusan kokurikulum di sekolah.

Apabila disebut pengurusan di sekolah, majoriti akan mengaitkan peranan dan tanggungjawab Pengetua atau Guru Besar itu sendiri. Kajian-kajian yang telah dilakukan juga banyak menjurus kepada peranan, tanggungjawab dan persepsi terhadap gaya kepimpinan dan kompetensi dalam pengurusan di sekolah oleh Pengetua atau

Guru Besar. Kajian mengenai peranan dan tanggungjawab GPK Kokurikulum dalam memikul tugas ini bagi pihak Pengetua dan Guru Besar adalah sedikit dan masih belum dikaji dengan meluas. Hasil tinjauan literatur yang dibuat menunjukkan banyak kajian lebih berfokuskan kepada Pengetua dan Guru Besar selaku teraju utama dalam pengurusan sekolah.

1.2 Pernyataan Masalah

Pengurusan sekolah adalah terletak dibahu Pengetua dan Guru Besar. Dalam membantu Pengetua dan Guru Besar mentadbir sekolah, beberapa jawatan Guru Penolong Kanan diwujudkan bagi tujuan tersebut. Jawatan GPK Kokurikulum adalah merupakan jawatan yang ditugaskan membantu pengetua dalam urusan pentadbiran dan pengurusan berkaitan kokurikulum. Peranan GPK Kokurikulum dalam pengurusan kokurikulum di sekolah amat penting di mana beliau perlu bertindak sebagai pengurus aktiviti kokurikulum yang mampu membawa perubahan dan kecemerlangan dalam bidang kokurikulum di sekolah. Secara amnya, Pengetua atau Guru Besar akan mendeligiaskan semua tugas dan urusan berkaitan kokurikulum terus kepada GPK Kokurikulum. Sehubungan itu, kemenjadian dan pencapaian kokurikulum di sekolah terletak dibahu GPK Kokurikulum. Justeru, bagi menjalankan tugas ini, amat penting bagi GPK Kokurikulum untuk memahami dengan proses pengurusan kokurikulum di sekolah.

Berdasarkan pengalaman pengkaji sebagai pegawai yang menguruskan kokurikulum di peringkat jabatan, keupayaan GPK Kokurikulum dalam menguruskan kokurikulum di sekolah adalah amat penting. Ini kerana saban tahun, program dan aktiviti kokurikulum semakin bertambah berbanding beberapa tahun yang lepas. Pelbagai program-program baru dirangka dan dilaksanakan diperingkat kementerian yang memerlukan komitmen dari akar umbi, iaitu di peringkat sekolah. Kebanyakan sekolah dalam Pulau Pinang memberikan respon atau maklum balas yang kurang proaktif dalam menyambut program dan aktiviti kokurikulum ini. Terdapat sekolah yang hanya menjalankan aktiviti kokurikulum dengan baik dan cemerlang serta tidak kurang juga sekolah yang hanya menjalankan aktiviti rutin setiap tahun sekadar memenuhi syarat perancangan kokurikulum tanpa sebarang program baharu atau penambahbaikan. Sehubungan itu, permasalahan yang timbul adalah adakah GPK Kokurikulum tidak memainkan peranan yang baik dalam pengurusan kokurikulum di

sekolah sehingga berlakunya perkara ini. Berdasarkan huraian tersebut, kajian ini akan merungkai permasalahan mengenai tahap peranan yang dimainkan oleh GPK Kokurikulum dalam empat proses utama pengurusan iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah dalam negeri Pulau Pinang.

1.3 Objektif Kajian

Objektif bagi kajian ini adalah:

- 1.3.1 Menenalpasti tahap peranan GPK Kokurikulum dalam pengurusan kokurikulum sekolah dalam empat proses pengurusan iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal.
- 1.3.2 Menenalpasti tahap peranan GPK Kokurikulum mengikut jantina dalam pengurusan kokurikulum sekolah dalam empat proses pengurusan iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal.
- 1.3.3 Menenalpasti tahap peranan GPK Kokurikulum mengikut daerah dalam pengurusan kokurikulum sekolah dalam empat proses pengurusan iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal.
- 1.3.4 Menenalpasti tahap peranan GPK Kokurikulum mengikut umur dalam pengurusan kokurikulum sekolah dalam empat proses pengurusan iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal.
- 1.3.5 Menenalpasti tahap peranan GPK Kokurikulum mengikut pengalaman dalam pengurusan kokurikulum sekolah dalam empat proses pengurusan iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal.

1.4 Soalan Kajian

Soalan kajian ini adalah:

- 1.4.1 Apakah tahap peranan GPK Kokurikulum dalam pengurusan kokurikulum sekolah dalam empat proses pengurusan iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal?
- 1.4.2 Apakah tahap peranan GPK Kokurikulum mengikut jantina dalam pengurusan kokurikulum sekolah dalam empat proses pengurusan iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal?
- 1.4.3 Adakah terdapat perbezaan antara tahap peranan GPK Kokurikulum mengikut jantina dalam pengurusan kokurikulum sekolah dalam empat

proses pengurusan iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal?

- 1.4.4 Apakah tahap peranan GPK Kokurikulum mengikut daerah dalam pengurusan kokurikulum sekolah dalam empat proses pengurusan iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal?
- 1.4.5 Adakah terdapat perbezaan antara tahap peranan GPK Kokurikulum mengikut daerah dalam pengurusan kokurikulum sekolah dalam empat proses pengurusan iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal?
- 1.4.6 Apakah tahap peranan GPK Kokurikulum mengikut umur dalam pengurusan kokurikulum sekolah dalam empat proses pengurusan iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal?
- 1.4.7 Adakah terdapat perbezaan antara tahap peranan GPK Kokurikulum mengikut umur dalam pengurusan kokurikulum sekolah dalam empat proses pengurusan iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal?
- 1.4.8 Apakah tahap peranan GPK Kokurikulum mengikut pengalaman dalam pengurusan kokurikulum sekolah dalam empat proses pengurusan iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal?
- 1.4.9 Adakah terdapat perbezaan antara tahap peranan GPK Kokurikulum mengikut pengalaman dalam pengurusan kokurikulum sekolah dalam empat proses pengurusan iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal?

1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis null yang dibina bagi kajian ini untuk empat proses pengurusan adalah seperti berikut:

1.5.1 Proses Merancang

H₀1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap peranan GPK Kokurikulum sebagai perancang dalam pengurusan kokurikulum sekolah mengikut jantina.

